

Galakkan Pelaburan Sesama Negara Asean, Kata Mustapa Bernama
Ogos 11, 2011

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Asean perlu menggalakkan pelaburan yang lebih luas dalam kalangan negara-negara Asean, terutamanya oleh firma-firma dalam perkumpulan itu, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata syarikat-syarikat Asean seharusnya digalakkan mengambil langkah untuk mengukuhkan aliran pelaburan intra-Asean, yang seiring dengan aspirasi untuk membina dan membentuk Komuniti Ekonomi Asean (AEC) menjelang 2015.

"Sejumlah syarikat Malaysia telah beroperasi dalam Asean dan berminat untuk berkembang serta melabur dalam projek baru," katanya.

Mustapa berkata demikian pada mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan Asean (AIA) Menteri-menteri Ekonomi Asean di Manado, Indonesia, yang kenyataannya dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI) pada Khamis.

Menurut kenyataan itu pelaburan semasa Asean meningkat dengan ketara kepada US\$12.1 bilion (US\$=RM3.02) pada 2010 daripada US\$5.2 bilion pada 2009, melebihi 2007 (US\$9.6 bilion), dan paras purata (US\$4.5 bilion) dalam tempoh 15 tahun lepas (1995-2009).

Pelaburan sesama Asean menguasai 16 peratus jumlah aliran pelaburan langsung asing (FDI) ke Asean. Pelabur utama Asean ialah Singapura (US\$7.4 bilion), Malaysia (US\$2.3 bilion) dan Indonesia (US\$1.6 bilion), katanya.

MITI berkata pada mesyuarat berkenaan, Mustapa turut melahirkan keyakinan prospek pertumbuhan ekonomi Asean tetapi menegaskan mengenai kepentingan mencapai integrasi Asean yang lebih luas melalui penubuhan AEC menjelang 2015.

"AEC penting untuk penjana peluang pertumbuhan ekonomi baru bagi semua negara anggota Asean pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Menurut kenyataan itu, ekonomi global dan pemulihan FDI memberi kesan positif terhadap Asean.

Aliran FDI ke Asean pada 2010 mencecah US\$75.8 bilion, berganda daripada paras 2009 sebanyak US\$37.9 bilion.

Pelaburan ke dalam Asean terutamanya dari Kesatuan Eropah (US\$17 bilion), AS (US\$8.6 bilion), Jepun (US\$8.4 bilion), Korea Selatan (US\$3.8 bilion), China (US\$2.7 bilion) dan India (US\$2.6 bilion).

Sektor perkhidmatan terus meningkat dari segi nilai dan bahagian aliran masuk FDI dan berjumlah US\$49.2 bilion, atau 65.7 peratus, jumlah aliran masuk FDI Asean pada 2010.

Perantaraan kewangan (US\$16.5 bilion) dan hartanah (US\$12.9 bilion) sub-sektor adalah penerima utama FDI dalam sektor ini.

Sektor pembuatan yang kedua dengan US\$21.0 bilion, atau 28.1 peratus, daripada jumlah aliran FDI pada 2010, katanya.

Menurut MITI, Mustapa berkata pemulihan kukuh Asean daripada krisis kewangan 2008 dapat dilihat dengan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar serantau sebanyak 7.4 peratus pada 2010 daripada 1.6 peratus pada 2009.

Beliau menyokong inisiatif Indonesia untuk menjadi hos Forum Pelaburan Asean di luar acara Sidang Kemuncak Asean ke-19 di Bali pada November 2011.

Forum berkenaan bagi meninjau usaha membangunkan pendekatan serantau dalam pelaburan untuk meletakkan Asean sebagai rantau ekonomi global yang berdaya saing.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=607630>